

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [ BARAM ]**

**NO. SOALAN : 165**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan dan bilangan perkampungan di kawasan luar bandar Sarawak yang telah dan akan dilaksanakan bekalan elektrik alternatif (solar hybrid) di kawasan Parlimen Baram sejak tahun 2013.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2013, Kementerian telah melaksanakan 6 projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Parlimen Baram secara solar hibrid dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM218.6 juta. Ia dijangka akan memberi manfaat kepada 954 buah rumah di 6 buah kampung yang dijangka akan siap secara berperingkat mulai bulan April 2017 hingga bulan Mei 2018.

Bagi pelaksanaan projek-projek yang akan datang, Kementerian akan menyenaraikan projek-projek berdasarkan kepada senarai keutamaan projek oleh Kementerian Kemudahan Awam Sarawak (KKAS).